

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan keadaan bekalan tenaga di negara ini termasuk harga elektrik. Apakah rancangan Kementerian mengenai perkara tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Secara dasarnya, sektor tenaga di Malaysia bergantung kepada tiga bahan api penjanaan utama iaitu gas, arang batu dan hidro. Penggunaan pelbagai campuran bahan api ini dibuat berdasarkan dua strategi penting iaitu menjamin keselamatan bekalan tenaga elektrik (mencukupi dan berdaya harap) dan juga penetapan tarif yang berpatutan. Dalam hal ini, empat faktor utama yang diambil kira dalam menentukan campuran tenaga optimum adalah ketersediaan, akses, mampu bayar dan kebolehterimaan.

2. Penggunaan tenaga elektrik di Semenanjung menunjukkan trend meningkat berbanding tahun sebelumnya. Permintaan puncak (*maximum demand*) di Semenanjung direkodkan pada paras 16,901 MegaWatt (MW) pada 11 Jun 2014 berbanding kapasiti terpasang 20,944MW yang menjadikan *available margin* dengan izin, berada pada paras 23.9%. Permintaan puncak di Semenanjung diunjurkan akan meningkat sebanyak 2.7% setahun dalam tempoh 2015 hingga 2025.

Berhubung dengan situasi pembekalan elektrik di Negeri Sabah pula, permintaan puncak yang dicatatkan sehingga kini adalah sebanyak 907.5MW pada 8 Mei 2014 dengan kapasiti terpasang 1,368.5MW. Permintaan puncak di Negeri Sabah diramalkan akan berkembang sehingga 6.1% setiap tahun dalam tempoh 2014 hingga 2023.

3. Bagi memastikan perancangan pembekalan elektrik negara yang teratur, pelbagai pendekatan telah dikenal pasti dan sedang dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi memastikan bekalan elektrik yang berdaya harap serta mencukupi dapat dibekalkan kepada pengguna-pengguna elektrik. Pemantauan situasi pembekalan dan permintaan elektrik negara dilakukan secara berterusan oleh Kementerian supaya sentiasa bersedia untuk menangani sebarang masalah dan gangguan operasi dalam persekitaran yang semakin kompleks dan mencabar. Perancangan jangka panjang mahupun jangka pendek yang lebih teliti dan menyeluruh telah dibuat bagi memenuhi peningkatan permintaan tenaga dan jangkaan (*expectation*) pengguna. Pelan Pembangunan Penjanaan akan disemak dari semasa ke semasa oleh Kementerian dan semua agensi yang berkaitan melalui Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET).

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

4. Mulai 1 Januari 2014, harga elektrik atau purata kadar tarif elektrik di Semenanjung dan Sabah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan telah disemak. Bagi Semenanjung, purata kadar tarif elektrik semasa adalah RM38.53 sen/kWj. Kadar ini ditetapkan berdasarkan pendekatan Kawal Selia Berdasarkan Insentif atau *Incentive – Based Regulation* (IBR), dengan izin. Di bawah pendekatan IBR, terdapat mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT), dengan izin, dimana sebarang perubahan kos bahan api dan lain-lain kos penjanaan bekalan elektrik akan dilepaskan kepada pengguna melalui semakan pada setiap 6 bulan.

5. Mekanisme ICPT masih belum diimplementasikan di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehubungan dengan itu, harga elektrik ditetapkan menerusi kos pembekalan elektrik selepas mengambilkira subsidi yang diperuntukkan oleh Kerajaan dengan anggaran sebanyak RM300 juta hingga RM600 juta setahun. Berdasarkan semakan pada 1 Januari 2014, purata kadar tarif elektrik ialah 34.52 sen/kWj bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.
